

ISLAM SIASAT DAN KEBANGSAAN

AWAS KEPADA PERBUATAN DAN KELAKUAN ORANG-ORANG MULHID

Tatkala balik dari lawatannya di Karachi dan telah singgah di India Dato' Onn telah memberi suatu ucapan dikatakan dihadapannya lebih kurang 500 orang yang hampir semua sekali orang-orang India telah menyatakan bahawa Malaya pada masa akan datang hendaklah mengadakan undang-undang dasarnya mengikut cara yang dibuat oleh India – tidak cara Pakistan atau pun lebih terangnya, menurut pandangan saya, ialah jangan meletakkan asasnya itu kepada agama. Perkara yang semacam itu adalah perkara-perkara yang disebut-sebut oleh orang-orang kita yang memandang bahawa agama itu tidak ada kena mengena dengan sesuatu keduniaan sehingga ada yang mengatakan bahawa masalah tulis jawi dan rumi pun tidak berkayat dengan agama, masalah pemerintahan tidak kena mengena dengan agama dan sebab itulah ada pula sebahagian daripada mereka itu yang mengatakan bahawa agama itu menghalang kemajuan menghalang kebebasan dan seterusnya iaitu perkataan-perkataan dan perbuatan-perbuatan yang mengecilkan keutamaan agama atau membelaikan keutamaan agama pada hal mereka itu sendiri mengaku bahawa mereka itu ialah seorang Islam dan mereka marah sekiranya mereka dikatakan bukan seorang Islam.

TAATLAH KEPADA YANG BERIMAN

(oleh Edrus)

Oleh sebab tamadun-tamadun Barat yang telah menyeluputi perasaan dan roh orang-orang kita maka timbulah di suatu tempat perasaan-perasaan yang di namakan kebangsaan dengan dikaitkan bahawa tiap-tiap langkah kebangsaan itu bebas dalam perkara agama dan sebab itulah nampaknya mereka daripada orang-orang Islam yang telah terkemuka memandang, dengan kerana mereka semenjak daripada kecil terdidik semata-mata dengan asuhan Barat, bahawa agama Islam itu hanya suatu pegangan seseorang yang diwajibkan di antara diri seseorang sahaja kepada khalaqnya – selain itu daripada agama itu tidak boleh dijadikan panduan hidup masyarakat, panduan siasah dan iktisad bagi sesuatu bangsa atau golongan.

Cara kebangsaan yang serupa ini, yakni cara

kebangsaan yang membelaikan pengajaran-pengajaran agama itu adalah

suatu kebangsaan jahiliah yang ditegah dan dihapuskan oleh pengajaran-pengajaran agama semenjak diturunkan kepada Muhammad (SAW).

Sebab-sebabnya tidak payah dicari oleh kerana terang dan nyata bahawa cara kebangsaan yang demikian itu memecahkan persatuan dan perikatan persaudaraan di antara orang Islam dengan orang Islam oleh sebab dengan adanya cara yang demikian itu sudah terang terputus perhubungannya di antaranya dengan saudara-saudara yang lain pada hal kita telah diperintahkan oleh Allah subhanahu wa Taala diwajibkan kita bersatu dan tidak boleh berpecah belah sebagaimana firmanya maksudnya: “dan berpeganglah kamu sekalian kepada jalan Allah dan janganlah kamu berpecah belah.” (Al-Imran 103)

Firman Allah lagi maksudnya: “Taatlah kepada Allah dan Rasulnya dan janganlah kamu berbantah-bantah kerana kamu nanti jadi penakut dan hilang kekuatan kamu” – (Al-Anfaal 46)

Begitulah tegahan-tegahan yang nyata pepecahan di antara orang-orang Islam sama sendiri oleh kerana Islam telah dekat di dalam suatu perintah persaudaraan yang kuat dan pejal, yang sebatik dan seperasaan sebagaimana yang telah disebut di dalam beberapa hadith yang kita rasa masing-masing kita telah mengetahuinya. Apabila persaudaraan itu dipecahkan dengan sebab adanya kebangsaan jahiliah tadi maka sudah teranglah kebangsaan yang sedemikian iaitu dilaknat oleh Islam kerana Islam tidak menyukai pengikut-pengikutnya menyalahi peraturan-peraturan yang diberi olehnya betapa pula mengubah segala hukum-hukum yang akan dijalankan kepada pemeluk-pemeluknya – yang dijadikan alasan oleh sebahagian orang bahawa hukum-hukum Islam itu tidak dapat dijalankan oleh kerana ada galangan-galangannya yang tidak boleh dijalankan kepada orang-orang yang bukan Islam. Panduan yang semacam ini sudah tetap terbitnya daripada mereka yang tidak cukup mengetahui kepada hakikat dan pengajaran Islam yang sebenar di dalamnya Islam telah memberi jalan dan petunjuk yang luas dan adil kepada mereka yang tidak memeluk agama Islam.

Orang-orang yang faham kepada kandungan Al-Quran, yang mengetahui hadith dan mengenal tawarikh Islam tidak akan dapat menafikan bahawa agama Islam itu mengandungi hukum-hukum tentang:

- (1) Sabil
- (2) Jenayah (*criminal*)
- (3) Perniagaan
- (4) Perkahwinan
- (5) Ibadat
- (6) Masyarakat dan lain-lain perkara yang sangat mustahak untuk keperluan hidup setiap peringkat manusia.

Adalah menjadi kewajipan juga kepada tiap-tiap muslimin sebagaimana mereka mengerjakan ibadat dengan cara yang ditunjukkan oleh Islam maka begitulah juga wajib atas mereka menghukum di dalam negerinya mengikut undang-undang Islam yang telah ditunjukkan oleh Al-Quran dan Al-Hadith dan barang siapa daripada mereka itu tidak menghukum sebagaimana hukum-hukum yang telah ditentukan itu maka tak dapat tiada mereka

telah melanggar kewajipan-kewajipan yang ditetapkan oleh Allah dan Rasul-Nya supaya mereka itu mengerjakannya bahkan mengikut firman Allah mereka itu akan menjadi kufur, zalim dan fasik sebagaimana maksud firman-firmannya yang tersebut di bawah ini.

(1) Dan barang siapa tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang kafir – (Quran, Al-Maidah 44).

(2) Dan barang siapa tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang zalim (Quran, Al-Maidah 45).

(3) Dan barang siapa tidak menghukum dengan hukum yang diturunkan oleh Allah maka mereka itulah orang-orang yang fasik (Quran, Al-Maidah 47).

Apakah hukum-hukum daripada Allah itu? Jawabnya sudah termaklum iaitu mengikut hukum Al-Quran dan Al-Hadith iaitu hukum-hukum yang diturunkan oleh Allah yang Maha Adil dan Maha Bijaksana untuk menjadi panduan kepada manusia supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat (hari balasan yang kekal yang di imankan orang-orang yang beriman kepadanya) – tidak hukum-hukum yang dibuat oleh makhluk, oleh manusia yang mengikut perasaan dirinya dan mengikut hawa nafsunya dengan tidak berpandu kepada khaliq yang Maha Bijaksana itu.

Allah Subhanahu wa Taala telah memberi amaran kepada mereka yang menghukum selain daripada hukum yang telah diberinya sebagaimana firmannya maksudnya: “dan hendaklah engkau hukumkan di antara mereka dengan hukum yang diturunkan Allah dan janganlah engkau ikut hawa nafsu mereka dan perhatilah percubaan mereka hendak memalingkan kamu daripada sebahagian yang diturunkan Allah kepada mu. Sekiranya mereka berpaling ketahuilah bahawa tidak lain melainkan Allah hendak mengatakan (azab) kepada mereka dengan sebab sebahagian daripada dosa-dosa mereka; dan sesungguhnya kebanyakan daripada manusia itu derhaka” (Quran, Al-Maidah 49).

Apakah hukuman jahiliah mereka mahukan pada hal

bukankah tidak ada sesiapa yang lebih baik hukumannya daripada

Allah bagi kaum yang percaya? – (maksud Quran,

Al-Maidah 50)

Ada banyak lagi ayat-ayat yang mengenai dengan perkara ini yang menunjukkan bahawa sesiapa daripada kaum muslimin yang menghukum selain daripada hukum-hukum Allah itu, Allah telah tetapkan kedudukannya-kedudukannya dan sebab itulah saya suka mendatangkan pertanyaan di sini bagaimana kalau seorang Islam (kerana namanya Islam) telah tergamacak membelakangkan hukum-hukum agamanya? Jawabnya sudah tentu kepada ayat-ayat yang disebutkan di atas tadi dan sebab itulah saya lebih suka di sini mengambil perkataan Syeikh Said Ramadhan yang telah tiba di sini sedikit masa yang lalu meminta kepada mereka yang menamakan dirinya Islam itu mengisyiharkan bahawa mereka bukan Islam oleh kerana, menurut pendapat saya, adanya di dalam Islam itu menjadi penyakit menjadi perosak sebagaimana keadaan orang yang mengunting di dalam lipatan yang tidak akan di nampak dan diketahui melainkan oleh orang-orang yang cukup faham kepada gerak geri dan langkah-langkahnya kepada gaya dan lenggang lengkoknya yang seolah-olahnya kita dapat menyamakkannya sebagaimana kaum-kaum munafik – apakah ditanya oleh seorang Islam, ia seorang Islam tetapi dibelakang daripada itu mereka mencerca dan mengeji kepada Islam.

Dengan sifat-sifat yang demikian ini maka bolehkah kita menjadikan mereka itu ketua atau pun jika ia suatu pertubuhan adakah pertubuhan itu patut kita ikuti atau tidak? Allah dan Rasulnya telah memberi petunjuk kepada kita pemimpin manakah yang kita mesti ikut! Allah telah berfirman maksudnya: “Hai orang-orang yang beriman taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasul dan orang-orang yang berkuasa dari antara kamu.” (Quran. An-Nisa’ 59)

Firman-Nya lagi maksudnya: “Dan barang siapa menjadikan ketua akan Allah dan Rasulnya dan orang-orang yang beriman maka sesungguhnya golongan Allah itulah yang akan menang” – (Quran. Al-Maidah 56).

“Ketua kamu tidak lain melainkan Allah dan Rasul-Nya dan orang-orang yang beriman yang mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zakat pada hal mereka itu orang yang merendahkan diri.” (maksud Quran Al-Maidah 55)

Rasulullah (SAW) bersabda maksudnya: “Dengar dan taatlah walaupun seseorang hamba dijadikan ketua atas kamu selama ia menjalankan (hukum) kitab Allah di antara kamu” – hadith sahih riwayat Ahmad Muslim dan Tirmizi.

Daripada ayat-ayat dan hadith-hadith yang tersebut di atas ini kita telah nampak dengan terang dan nyata bahawa kita tidak boleh mentaati orang-orang yang fasik sebagai ketua kita. Kita telah melihat contoh-contoh dihadapan mata kita bagaimana Mustafa Kamal yang keadaannya di contohi-contoh oleh orang-orang sekarang dengan langkahnya memodenkan Turki menjadi sebuah negara yang berkeadaan sebagai negara Barat itu. Mustafa Kamal sendiri tersebut di dalam beberapa riwayatnya yang telah ditulis menunjukkan ia seorang peminum, penzina dan sebagainya dan ia telah menjadikan dan mehalalkan pergaulan yang sebegini bebas, ber-dancing, dan telah pernah berkata bahawa suka sama suka memadai dalam perkahwinan. Hukum-hukum negara yang berkurun-kurun berasas kepada Islam (sekalipun tidak dijalankan oleh khalifah-khalifahnya dengan sempurna) telah ditukar dengan undang-undang Switzerland bahkan tidak memadai dengan itu – ia telah menukar azan dan bacaan-bacaan ibadat dengan bahasanya sendiri. Adakah cara yang demikian ini akan diikut oleh kita di Semenanjung Tanah Melayu itu?

Adakah kemerdekaan Melayu yang di cita-citakan dan kebebasan tidak beragama itu akan menjadikan orang-orang kita mehalalkan dancing, mengarak anak-anak gadis kita di atas pentas, mehalalkan arak sebagai secara permasyarakatan, dan nanti akan bercita-cita pula menukar azan dengan bahasa Melayu – *la haula walaku wataillah billah!*

Kalau kita beri keterangan kepada mereka itu tentang tegahan-tegahan Allah, tentang judi, tentang pergaulan yang bebas

dan sebagaimana lagi maka mereka itu akan mengecap orang-orang yang mempertahankan itu dengan perkataan “taksub agama” sehingga Ikwanul Muslimin disebut fanatik dan lain-lain lagi – Pakistan yang membawa cita-cita merapatkan lagi persaudaraan umat Islam disebut fanatik (taksub) dan begitulah seterusnya mereka yang berusaha dari satu ke suatu masa mengikut jalan Allah dan Rasul-Nya, yang bekerja kerana menegakkan pengajaran-pengajaran Al-Quran dan Al-Hadith yang telah cuba diruntuhkan oleh dunia Barat kerana mereka takut bahawa pada satu masa orang-orang mereka akan tunduk kepada jalan Allah dan Rasul-Nya. Tuduhan-tuduhan itu bukannya sahaja datang daripada mereka tetapi juga orang-orang yang menyebut dirinya Islam tetapi yang sebenarnya mereka itu sebenarnyalah orang yang berfaham Malhad yang patut mereka itu mengistiharkan dari sekarang mereka itulah musuh-musuh Islam yang sangat berbahaya.

Sesudah mereka mendatangkan tuduhan-tuduhan itu ada pula mereka yang pernah bertanya apakah yang dibuat Islam di Semenanjung Tanah Melayu selama hampir-hampir 500 tahun kepada orang-orang Melayu? Apakah kena mengena tulisan jawi dan rumi kepada agama? Dan berbagai-bagi lagi pertanyaan seterusnya tetapi dalam pertanyaan-pertanyaan ini mereka lupa bahawa dengan Islamlah mereka itu telah hidup bertamadun dengan luas, dengan Islamlah mereka itu tahu apa erti mereka pengorbanan; dan dengan huruf itulah mereka itu mengenal kebudayaannya yang ditunjukkan oleh Allah – tidak mengikut kebudayaan-kebudayaan sastera-sastera Hindu yang diagung-agungkan dan dibesar-besarkan oleh kaum mulhid yang cuba mengabui mata umat-umat Islam pada masa yang akan datang. Adakah orang-orang Islam akan redha menukar kebudayaan Islam itu kepada kebudayaan Hindu? Adakah orang-orang Islam itu akan suka menukarkan kebaktiannya kepada Allah Aubhanahu wa Taala kepada maha dewi Visnu dan Siva? – *nauzubillahi min zalik!*

Begitulah cara yang dikehjari dan dituntut oleh orang-orang kita? Apakah kita mesti berdiam diri melihat kepada

perbuatan-perbuatan mereka kaum Malhad yang cuba menanamkan perasaan meracun anak-anak kita kepada jalan yang tidak di redhai oleh Allah? Ingatlah! Inilah dia erti mereka kebangsaan jahiliah yang telah ditiru oleh orang-orang kita kepada faham-faham yang dibawa oleh Barat yang diharamkan oleh agama.

(bersambung)

(sambungan dari muka 9)

Itu: “masa dahulu masa” atau “zaman dahulu zaman”

Di dalam makalahnya itu Tuan Abu Sabri berkata:- “Ada pun sekarang ini nampaknya bahasa Melayu ini di iBaratkan seperti air nira yang sedang gila. Maka air yang sedang gila (tuak) tetaplah kita tidak boleh mempergunakannya, tetapi sungguh pun begitu janganlah sekali-kali dicuamkan kerana suatu masa kelak ia akan berhenti daripada gilanya menjadi cuka, pada masa itu tentulah berfaedah besar kepada kita”. Benar juga katanya itu bahawa cuka itu berfaedah besar kepada kita, akan tetapi cuka itu hendaklah kita tahu bagaimana, di mana, dan ketika mana hendak menggunakaninya, kerana jika tidak tentu menggunakaninya nescaya ia merugikan kita sahaja, seperti jika lau dimasukkan cuka ke dalam susu lembu atau kerbau atau kambing tak dapat tiada rosaklah susu itu, terkecuali dengan sukatananya yang ditentukan pula, dimasukkan cuka itu ke dalam susu pohon getah maka susu pohon getah itu menjadi beku, kerana cuka sememang ada mengandung asam yang dikatakan dalam bahasa Inggeris *Acid* (asid) maka begitulah juga menggunakan perkataan-perkataan pelik yang direka-reka sahaja dengan tidak diperiksa betul-betul nescaya rosaklah bahasa kita, bukanlah hendak membaiki dan menaiki mutunya!

Terlintas pula di hati saya, agaknya tatkala (pada masa) Tuan Abu Sabri menulis makalahnya yang tersebut itu, air niranya “sedang gila”!